

Perancangan Strategik Islam : Pengamalan Usaha Perancangan Pembangunan dalam Pendidikan Tinggi di Malaysia

Strategic Planing of Islam: The Practice Development in Higher Education in Malaysia

Syarifah Nurolazan Shaikh Ahmad (Pengarang Penghubung)
Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Lembah Pantai, 50603, Kuala Lumpur
Tel: +6013-6294450 E-mel: snuraz@yahoo.com

Nur Tasnim Ismail
Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Lembah Pantai, 50603, Kuala Lumpur
Tel: +6013-6362216 E-mel: atizz_nemmy209@yahoo.com

Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy
Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya,
Lembah Pantai, 50603, Kuala Lumpur
Tel: +6012-3209151 E-mel: sashiaq@um.edu.my

Abstrak

Perbincangan mengenai perancangan strategik telah lama diperkatakan dalam sistem pentadbiran moden sejak tahun 1960 lagi. Namun masih belum terdapat perbincangan secara terperinci berkenaan perancangan strategik Islam. Oleh itu, kertas kerja ini akan mengemukakan beberapa elemen perancangan strategik Islam yang dianggap penting berdasarkan Al-Quran, sunah dan lipatan sejarah Islam. Hal ini berdasarkan keupayaan Islam dalam menyelesaikan segala permasalahan semasa merentasi benua Islam dan Eropah. Selain itu, kertas kerja ini juga akan menyentuh aspek pengamalan usaha perancangan pembangunan dalam pendidikan tinggi di Malaysia. Dalam bidang pengajian tinggi, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Nasional (PSPTN) yang bertujuan untuk mentransformasikan pengajian tinggi dalam konteks menjadikan Malaysia sebagai hub kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Penekanan utama dari aspek amalan tersebut ditumpukan kepada elemen perancangan strategik Islam yang kurang diberi penekanan dalam proses pelaksanaannya.

Elemen-elemen ini dilihat sebagai mekanisme ke arah perancangan pembangunan selari dengan tuntutan Islam.

Katakunci : Perancangan Strategik Islam; Elemen; Pengamalan; Usaha; PSPTN

Abstract

Topics on strategic planning have long been discussed in modern administrative studies since the 1960s. However, there is still a detailed and developing discussion that makes strategic planning a new terminology later in used. Elements discussed in the topic are also very much similar and indeed encouraged in Islamic viewpoint. The various conceptual discussions on planning has stimulated this writing to analyze what the practicality in Malaysia are with special focus on high education learning. Therefore, this paper will put forward some strategic planning elements based on the Qur'an, Sunnah and Islamic history. It is based on the ability of Islam in solving the current problems across the continent and Europe. In addition, this paper will also touch on aspects of the practice of planning efforts in the development

of higher education in Malaysia. In higher education, the Ministry of Higher Education has introduced the National Higher Education Strategic Plan (PSPTN) which aims to transform higher education in the context of Malaysia as a hub of excellence for higher education. The main emphasis of the practice is devoted to strategic planning elements of Islam that are less emphasized in the process of implementation. These elements are seen as a mechanism towards development planning in line with the tenets of Islam. Thus, besides giving two approaches of strategic planning, namely, modern and Islamic views, this article underlines efforts taken by the Ministry to fulfill one of its core plans that is internationalization. Elements of strategic planning is analysed, including the Islamic emphasis on social cost factor which is a challenge to be addressed to improve the Ministry strategic plan approach.

Keywords: Islamic strategic management; Element; Practice; Effort; PSTPN

Pengenalan

Dalam pengurusan dan pentadbiran sesebuah organisasi, konsep perancangan dan strategi merupakan dua aspek yang perlu digabungkan kerana ia saling berkait (Mohd Salleh, 2002). Ini menunjukkan bahawa setiap proses perancangan perlu kepada mencapai objektif yang diharapkan. Melihat keadaan perkembangan pendidikan tinggi di Malaysia yang amat penting dalam mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi, rakyatnya berdaya saing serta berfikiran inovatif memerlukan perancangan pembangunan yang strategik dan bersistematik melalui penggunaan sumber-sumber yang ada. Menurut Abdul Wahab (1991) menyatakan bahawa perancangan pendidikan ialah menumpukan perhatian kepada masa hadapan berdasarkan kepada pengalaman masa lalu. Justeru itu, ia merupakan proses untuk membuat keputusan dan tindakan bagi masa hadapan dan merupakan proses yang berterusan dengan mengambil kira matlamat yang hendak ditujui dan bagaimana hendak

mencapai matlamat tersebut dengan cara yang paling berkesan.

Teori Perancangan Strategik Menurut Barat & Islam

Perancangan strategik menurut Fred (1991) adalah "*the art and science of formulating, implementing and evaluating cross-functional decisions that enable an organization to achieve its objectives*". Pengertian ini menjelaskan sesebuah organisasi perlu mencapai objektif yang ditetapkan melalui sesuatu keputusan berdasarkan strategi formula, pelaksanaan dan penilaian. Setiap strategi mempunyai kekuatan tersendiri dalam mencapai matlamat yang dituju. John (1995) pula menyatakan perancangan strategik secara ringkas adalah "*a set of concept, procedures and tools designed to help leaders, managers and other think and act strategically on behalf of their organization's stakeholders*". Definisi ini menjelaskan suatu mekanisme perlu diwujudkan bagi membantu pemimpin, pengurus dan pihak lain untuk berfikir dan bertindak secara strategik dalam menjaga kepentingan organisasi mereka. Perancangan yang teliti dalam menentukan misi dan bentuk kerja perlu dilakukan bagi menjamin kejayaan matlamat organisasi.

Penjelasan lebih lanjut oleh George (1982) dengan menyatakan definisi perancangan strategik merangkumi empat komponen iaitu, pertama; perlu mengenal pasti kedudukan masa hadapan hasil daripada tindakan sekarang, kedua; untuk mengawasi kelancaran proses melalui proses berterusan yang memiliki objektif yang spesifik, ketiga; perancangan strategik merangkumi sikap dan budaya hidup dengan menjadikannya sebahagian dalam pengurusan dan keempat; perancangan strategik itu boleh membentuk suatu sistem yang formula serta mempunyai perbezaan dengan perancangan jangka masa pertengahan dan jangka masa pendek. Berdasarkan definisi yang diberikan, perancangan strategik merupakan suatu ilmu pengurusan dan tindakan dalam menentukan misi, objektif dan strategi sesebuah pentadbiran

untuk mendapat kedudukan yang terbaik.

Islam sering kali menyarankan umatnya supaya sentiasa melakukan perancangan terlebih dahulu dalam setiap perkara kerana Islam adalah sebuah agama berpandukan sistem dan aturan yang sempurna. Hal ini dapat diperhatikan melalui penyusunan sistem ibadah Islam seperti solat, puasa, zakat dan haji yang dilaksanakan berdasarkan dasar-dasar serta kaedah perancangan dan penyusunan yang sempurna (Husnani Hamzah, 2008). Walaupun Islam tidak menetapkan secara khusus teori perancangan strategik, tetapi Islam telah terlebih dahulu menjalankan teori perancangan strategik yang dicipta oleh para sarjana Barat (Mohd Sharifudin, 2004).

Menurut Al-Dahyan (1986), perancangan adalah di antara masa sekarang dengan akan datang. Manakala menurut Al-Sayid (1976) pula, perancangan ialah suatu usaha bagi menyediakan segala sesuatu yang bermanfaat melalui alatan, modal dan kewangan. Yusof Ismail di dalam bukunya bertajuk 'Mengurus Secara Islam', menjelaskan strategik ialah meliputi pengertian yang menyeluruh di dalam Islam iaitu tauhid kepada Allah (s.w.t) termasuk segala manifestasinya (Husnani, 2008). Secara keseluruhan, perancangan strategik Islam merupakan suatu perancangan yang rapi secara menyeluruh dalam usaha mendapatkan manfaat di dunia dan juga akhirat.

Elemen Perancangan Strategik Barat & Islam

Pencapaian sasaran objektif secara efisien dan efektif seperti mana yang diharapkan di dalam perancangan strategik memerlukan kepada beberapa elemen penentu kejayaan perancangan strategik. Fleksibel merupakan elemen pertama perancangan strategik yang perlu dititikberatkan kerana elemen ini membantu berlakunya perubahan organisasi dengan bertindak balas terhadap perubahan persekitaran dan keperluan yang dikehendaki bagi mencapai sasaran organisasi dan pelanggan

(James, 1979). Sifat fleksibel ini mampu menjadikan pengurusan organisasi itu lebih dinamik dan sensitif dengan kejayaan masa hadapan melalui perebutan peluang yang ada serta lebih kompetitif (Lorange, 1993). Spulber (2007) juga mementingkan sifat fleksibel bagi memenuhi keutamaan pelanggan melalui tindak balas yang pantas terhadap evolusi masyarakat. Sifat fleksibel yang elastik ini sentiasa mampu mencapai kejayaan melalui pelbagai usaha yang dilakukan mengikut kehendak semasa.

Perancangan strategik moden juga mementingkan elemen keberkesanan kos dalam menjalankan gerak kerja berdasarkan penetapan kos yang ditetapkan bagi menghasilkan pulangan dan bukan pembaziran (Taylor, 1979). Penggunaan kos yang melibatkan kewangan, tenaga, sumber bahan dan lain-lain lagi yang perlu dirancang dengan teliti oleh pengurusan atasan dalam menggunakan sumber dan keupayaan yang ada dengan cekap dan berkesan. Sherman (1982) juga menekankan perancangan kos yang berkesan dalam mendapatkan keuntungan yang lebih besar berbanding kos yang dikeluarkan. Pengurusan yang efisien akan terhasil apabila menggunakan kos dan tenaga yang minimum dalam masa yang singkat serta menepati objektif organisasi.

Selain itu, elemen objektif yang rasional, jelas dan mampu untuk dicapai dalam jangka masa yang ditetapkan juga merupakan ciri penting dalam perancangan strategik moden (Sharifah Hayaati, 2010). Objektif yang ditetapkan mestilah disesuaikan dengan keupayaan yang ada tanpa memberatkan organisasi bagi mengelakkan objektif itu bersifat tidak strategik sekiranya gagal dijayakan dalam jangka masa yang ditetapkan. Menurut Lorange (1993), pemantauan ke atas kejayaan objektif perlu dilaksanakan bagi menilai kemajuan dalam mencapai matlamat strategik. Disebabkan itu, penetapan tanda aras organisasi perlu dilakukan semasa menetapkan objektif supaya mampu menghasilkan objektif rasional yang spesifik, boleh diukur, dicapai dan difahami sama ada oleh pihak atasan mahupun subordinat.

Sememangnya tidak dijelaskan secara terperinci di dalam al-Qur'an mengenai perancangan strategik, namun konsep ini merujuk firman Allah (s.w.t) di dalam surah al-Hasyr ayat 18, maksudnya: "*dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan(dari amalannya) untuk hari esok (Akhirat)..*" dan juga aplikasi dalam sirah Rasulullah SAW dan para sahabat. Mereka telah membuat perancangan untuk melihat semua kemungkinan dan mempersiapkan kelengkapan serta bertawakal kepada Allah (s.w.t). Dengan itu, setiap elemen perancangan strategik moden yang dihasilkan adalah diterima oleh Islam dengan menyelaraskannya berdasarkan al-Qur'an, sunah, ijmak dan kaedah-kaedah fiqh untuk memelihara lima hak manusia (*al-Ushul al-Khamsah*) iaitu menjaga agama, harta, diri, keturunan dan maruah atau dikenali juga sebagai *maqasid syariah*. Menurut Imam al-Qarrafi, kelonggaran di dalam bidang ini tidak bersalahan dengan syariat malah ia disokong oleh kaedah-kaedah syarak dengan syarat tertentu (Al-Tarablusi, 1973).

Pengurusan strategik di dalam Islam turut menerima elemen kefleksibelan yang bersifat *murunah* (anjali) demi mencapai *maqasid syariah*. Al-Raysuni (1995) menjelaskan *maqasid syariah* adalah matlamat yang mahu dicapai oleh syariat Islam untuk kepentingan hamba-hambanya ketika mensyariatkan sesuatu. Islam agama yang mudah, meskipun Islam telah menetapkan pelbagai hukum dan batasan yang wajib diikuti oleh umat Islam, namun terdapat *rukhsah* (kelonggaran) pada perkara *furu'* (cabang) mengikut kesesuaian masa dan keadaan. Dengan itu, sifat fleksibel ini diterima di dalam Islam dan telah diamalkan sejak zaman kegemilangan Islam dahulu.

Sebagai contoh tindakan Khalifah Umar Ibn al-Khattab mengadakan satu muktamar khas bagi seluruh pemimpin dan pemerintah di dalam wilayah Islam semasa musim haji untuk memberi peluang kepada rakyat menyatakan aduan atau mengemukakan kezaliman yang dilakukan oleh pemerintah tanpa perasaan takut

dan tindakan akan dikenakan ke atas pemerintah tersebut (Nazrudin, 1998). Kaedah ini berjaya mengurangkan tekanan dan kezaliman gabenor kepada rakyat serta menghasilkan pemerintahan mengikut syariat Islam. Tindakan seperti ini tidak pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW dan Saidina Abu Bakar. Jelas menunjukkan tindakan Khalifah Umar Ibn al-Khattab ini berasaskan pengurusan strategik dengan melakukan perubahan di dalam pemerintahan.

Islam juga menerima elemen keberkesanan kos pengurusan demi meningkatkan produktiviti dan hasil kerja demi mengelakkan pembaziran. Usaha ini akan tercapai sekiranya setiap pihak yang terlibat di dalam bidang itu memiliki ilmu yang berkaitan sehingga mampu meningkatkan mutu kerja. Hal ini berdasarkan hadis sahih riwayat Muslim, Rasulullah SAW bersabda, mafhumnya : "*Kalian lebih mengetahui tentang urusan dunia kalian.*". Hadis ini berkaitan kisah penanaman kacukan pokok kurma yang dilakukan oleh para sahabat dan Rasulullah SAW membiarkan urusan yang berkenaan terhadap pihak yang mahir tentangnya bagi mendatangkan keuntungan. Di dalam Kitab al-Fadhail, hadis ini diterangkan di dalam bab kewajipan mengikut apa yang Rasulullah SAW sampaikan mengenai urusan syariat dan terpulang kepada pandangan sendiri terhadap apa yang disampaikan baginda mengenai urusan dunia. Dengan itu, sesiapa yang memiliki kepakaran di dalam sesuatu bidang boleh menggunakan kepakarannya itu bagi mendatangkan keuntungan di dunia dan akhirat.

Namun, Islam lebih mengutamakan penekanan sosial kos berbanding keberkesanan kos dalam membentuk peribadi dan akhlak umat yang unggul. Penekanan aspek sosial dalam Islam demi mengelakkan sebarang kemungkaran yang mampu membawa kerosakan umat kerana ia mengundang kemurkaan Allah (s.w.t). Jelas menunjukkan perancangan Islam ibarat serampang dua mata dalam mencapai *maqasid syariah* iaitu demi faedah di dunia dan juga bekal di akhirat.

Selain itu, elemen kerasionalan turut diterima oleh Islam supaya objektif dan tindakan tidak bercanggah dengan hukum syarak serta mampu dilaksanakan oleh umat Islam (Sharifah Hayaati, 2010). Islam tidak akan membebankan umatnya melebihi kemampuan yang dimiliki berdasarkan firman Allah (s.w.t) di dalam Surah al-Baqarah ayat 185, maksudnya : “Allah mengkehendaki kamu beroleh kemudahan dan ia tidak mengkehendaki kamu menanggung kesukaran.”. Elemen rasional di dalam Islam turut merancang dan meramal untuk jangka masa panjang bersesuaian dengan keupayaan yang dimiliki. Sebagai contoh tindakan para sahabat mengumpulkan al-Qur’an ke dalam beberapa mashaf bermula zaman Sayidina Abu Bakar (Che Mohd. Azam, 1998). Rasionalnya tindakan ini dilakukan demi menyelamatkan al-Qur’an daripada hilang dan berlakunya sebarang bentuk penyelewengan yang sudah tentunya akan menyusahkan seluruh umat Islam masa hadapan.

Namun, tambahan daripada ini yang sangat penting dalam Islam bagi menentukan kejayaan *maqasid syariah* ialah *masalah ammah*. Penulis mencadangkan supaya aspek elemen *masalah ammah* (kepentingan awam) ini menjadi penekanan di dalam perancangan strategik Islam kerana memiliki manfaat kepada kepentingan umat dan menghindari kemudaratan. *Masalah ammah* adalah hasil daripada kaedah *masalih mursalah* yang tidak terdapat sebarang hukum syarak yang menjelaskan sama ada mengharuskannya atau mengharamkannya (Selamat, 2010). Penggunaan kaedah ini melibatkan urusan seharian kehidupan manusia yang tidak terdapat dalil yang menerima atau menolak selaras dengan matlamat syarak untuk memberi manfaat dan keselesaan kepada manusia.

Pengabaian ke atas hak tersebut dikenali sebagai *mafsadah* (kerusakan). *Maslahah* yang ingin dicapai itu juga mestilah sesuatu yang jelas dan bukannya sekadar sangkaan semata. Justeru setiap perancangan yang dilakukan semestinya untuk memberi manfaat dan menegah

kemudaratan serta tidak dilakukan dengan sia-sia dan mampu dilaksanakan (Zaidan, 1994). Hal ini selaras dengan firman Allah (s.w.t) dalam surah al-Hajj, ayat ke-78, maksudnya : “Dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama.”. Para sahabat Rasulullah SAW juga menggunakan kaedah ini dalam kepimpinan mereka sebagai contoh tindakan Khalifah Abu Bakar al-Siddiq memerangi golongan yang enggan membayar zakat demi menjaga kesucian agama dan menjaga *masalah* keamanan negara serta umat Islam.

Secara keseluruhannya, sememangnya terdapat pendekatan Islam di dalam perancangan strategik walaupun istilah ini sendiri tidak diwujudkan di dalam Islam. Namun, amalan merancang secara berstrategik ini sangat digalakkan terhadap semua umat Islam untuk dilaksanakan sama ada secara individu mahupun organisasi. Kaedah mewujudkan perancangan strategik boleh dilakukan secara musyawarah seperti mana yang dibuat oleh Rasulullah SAW dan juga Khulafa’ ar-Rasyiddin terdahulu bagi memperoleh idea yang bernas daripada setiap pihak yang terlibat. Namun, setiap perancangan strategik yang dirancang dan dilaksanakan perlulah diselitkan keimanan dan keyakinan bahawa kejayaan sesuatu perancangan itu ditentukan oleh kuasa Allah (s.w.t). Firman Allah (s.w.t) dalam surah ali-‘Imran ayat ke-54, maksudnya : “Mereka merancang, Allah (s.w.t) juga merancang. Sesungguhnya Allah (s.w.t) adalah sebaik-baik perancang.”

Pengamalan Usaha Perancangan Pembangunan Dalam Pendidikan Tinggi Di Malaysia

Perancangan strategik merupakan sebahagian perkara penting dalam struktur pengurusan dan pentadbiran di Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Objektif utama Institut Pengajian Tinggi adalah untuk memberikan perkhidmatan sosial dan melahirkan graduan yang cemerlang dalam pelbagai bidang pengajian. Namun, persaingan dan ancaman unsur luar seperti

kemerosotan kemasukan pelajar, kualiti dan produktiviti menurun, pencapaian akademik pelajar lemah, peluang pelajar untuk mendapatkan pekerjaan terhad serta reputasi di peringkat global menurun dan sebagainya bakal mendatangkan masalah jika perkara ini tidak di ambil perhatian secara serius.

Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah memperkenalkan pelbagai polisi dan dasar untuk pemantapan pengajian tinggi negara agar wujud ekosistem yang kondusif bagi menerajui ilmu. Hal ini juga seiring dengan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah hab pengajian tinggi serantau yang berupaya menghasilkan penyelidikan dan pembangunan ke arah keberhasilan dalam bentuk inovasi. Oleh itu, setiap IPTA perlu mempunyai hala tuju tersendiri atau *Roadmap R&D* serta dapat melaksanakan usaha-usaha yang agresif. Dalam Rancangan Malaysia ke-9 jelas menyatakan bahawa untuk mencapai Wawasan 2020, Negara perlu meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Maka dengan hala tuju tersebut, Kementerian Pengajian Tinggi telah memperkenalkan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang mana pelaksanaannya dibuat melalui empat fasa iaitu:

- (1) Fasa 1 (2007 - 2010) : Peletakan Asas;
- (2) Fasa 2 (2011 - 2015) : Peningkatan dan Pemerkaasaan;
- (3) Fasa 3 (2016 – 2020): Kecemerlangan;
- (4) Fasa 4 (melangkaui 2020) : Kegemilangan dan Kelestarian.

Beberapa Projek Agenda Kritikal (*CAP : Critical Agenda Project*) juga telah diwujudkan untuk mencapai hasrat PSPTN. Pelaksanaan ini akan dipantau rapi oleh Pejabat Pengurusan Program di KPT yang bekerjasama dengan Pejabat Pengurusan Program di peringkat institusi (iPMO) di semua IPTA. Sehingga kini, 22 CAP telah dikenal pasti dan beroperasi dari segi penetapan hala tuju, pelaksanaan dan penetapan indikator bagi pengukuran pencapaian. Namun, daripada kesemua bilangan CAP tersebut, hanya Teras Kelima daripada PSPTN iaitu

pengantarabangsaan yang akan dinilai dan dianalisis oleh penulis dalam kertas kerja ini. Antara program pengantarabangsaan yang ditekankan ialah pertukaran tenaga akademik, pelajar, program pengajian dan kolaborasi antarabangsa yang juga merupakan pemangkin kepada interaksi, pengalaman dan pendedahan pelajar IPT tempatan di pentas antarabangsa.

Menerusi Fasa 1 dalam PSPTN, pelaksanaan CAP Pengantarabangsaan tertumpu pada menarik masuk pelajar antarabangsa melalui strategi peningkatan penyertaan program pemasaran dan promosi antarabangsa di luar negara di samping memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar. Usaha mempergiatkan kemasukan pelajar antarabangsa berkualiti adalah melalui penawaran tempat bagi pelajar antarabangsa di IPT dengan meningkatkan jumlah program pengajian akademik yang diiktiraf oleh badan antarabangsa. Selain itu, menambahkan jumlah staf akademik, meningkatkan jaringan antarabangsa dan daya saing staf akademik akan meningkatkan jaringan kolaborasi antarabangsa G2G dan antara institusi secara bilateral, multilateral dan sebagainya.

Kefleksibelan perancangan strategik boleh dilihat dengan terhasilnya Fasa 1 dan Fasa 2 apabila adanya penambahbaikan. Pencapaian Fasa 1 PSPTN dalam CAP Pengantarabangsaan salah satunya dinilai dari sudut pengambilan pelajar antarabangsa ke IPT dan pengurusan serta pentadbiran hal ehwal pelajar antarabangsa. Cadangan penyelesaian isu ini adalah dengan usaha mempergiatkan lagi usaha dalam pelaksanaan Fasa 2 untuk menarik pelajar antarabangsa berkualiti. Syarat kelayakan masuk bagi pelajar antarabangsa dinilai taraf pada peringkat SPM dan STPM bergantung pada peringkat pengajian yang akan diikuti. Nilai taraf yang dibuat adalah berdasarkan kepada perbandingan di antara kelayakan dengan kelayakan dan tidak melibatkan perbandingan nilai/mata gred secara terperinci bagi mata pelajaran yang terdapat dalam sesuatu kelayakan tersebut. Oleh itu, pihak IPT sendiri

akan mempertimbangkan gred yang diperoleh oleh seseorang pemohon (pelajar) sebelum menerima masuk ke dalam sesuatu program pengajian tertakluk kepada syarat kelayakan masuk seperti mana yang telah ditetapkan dalam surat kelulusan pengendalian program.

Secara purata, kira-kira 70% bersamaan 62,705 pelajar antarabangsa melanjutkan pengajian di IPTS pada tahun 2010. Melihat pada Fasa 2, jumlah keseluruhan pelajar asing yang berdaftar dengan KPT sehingga 31 Januari 2012 adalah seramai 91,670 orang iaitu 25,855 di IPTA dan 65,812 orang di IPTS. Oleh yang demikian, jumlah enrolmen pelajar asing bagi program prasiswazah IPTA adalah tidak melebihi lima peratus agar kuota pelajar tempatan tidak terjejas. Namun IPTS, jumlah enrolmen dibenarkan sehingga 80 peratus. Bagi program pascasiswazah, tiada had pengambilan pelajar asing ditetapkan kepada IPTA dan IPTS.

Keberkesanan kos dalam PSPTN ini juga jelas dalam Fasa 1 di mana jaringan kolaborasi antarabangsa sektor pengajian tinggi tempatan dan luar negara yang dibuat seharusnya memberi manfaat bukan sahaja kepada IPT, malah pembangunan staf dan pelajar IPT. Maka penyelesaian isu ini ialah dengan memperbanyakkan inisiatif dalam Fasa 2 untuk meningkatkan kolaborasi IPT tempatan dan IPT luar negara dalam program seperti *industrial internship*, mobiliti pelajar dan staf akademik (jangka pendek dan panjang). Selain itu, fokus sektor pengajian tinggi negara dalam Fasa 2 menjelang 2015 adalah untuk menjana pendapatan melalui kemasukan pelajar antarabangsa. Jika dilihat, kemasukan pelajar antarabangsa dalam Fasa 1 tahun 2010 secara keseluruhannya telah menyumbang kepada pendapatan negara sebanyak kira-kira RM2.6 bilion. Maka, strategi bagi Fasa 2 adalah berusaha mendapatkan pengiktirafan antarabangsa kualiti sektor pengajian tinggi Malaysia dengan menjalinkan kerjasama erat bersama badan profesional antarabangsa untuk pengiktirafan program akademik IPT tempatan.

Kerasionalan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara jelas menepati objektif yang telah ditetapkan iaitu memastikan sistem pengajian tinggi negara mempunyai ciri pengantarabangsaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi antarabangsa. Objektif yang rasional ini sesuai dengan keupayaan pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan IPT untuk meningkatkan mutu kualiti pembelajaran di peringkat antarabangsa, serta boleh digunakan oleh setiap institusi untuk mencapai satu tahap kecemerlangan mengikut tempoh fasa yang telah ditetapkan seperti yang telah tercatat dalam pelan tersebut.

Isu Pengantarabangsaan PSPTN

Lambakan isu pengantarabangsaan di media-media masa dan juga laman sosial pada hari ini menimbulkan persoalan tentang di mana kesilapan tersebut berlaku. Perkara ini menjadi isu apabila wujudnya kebanjiran pelajar asing atau *dumping ground* di negara kita dengan pelbagai masalah sosial. Akhbar-akhbar tempatan telah melaporkan bagaimana lambakan pelajar-pelajar asing khususnya dari benua Afrika telah menyalahgunakan visa pelajar untuk bermastautin dan menjalankan aktiviti haram di negara ini. Kebanyakan mereka ini mendaftar sebagai pelajar dan selepas membayar yuran tahunan mereka akan menghilangkan diri atau hanya hadir sekadar untuk merekodkan kehadiran.

Semasa sidang dewan rakyat Mac 2010, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Dr Hou Kok Chung menyatakan statistik Polis Diraja Malaysia 2009 mengenai kes jenayah membabitkan pelajar antarabangsa kesemuanya 17 kes. Enam daripada kes tersebut adalah ugutan jenayah, empat kes merusuh, tiga kes curi, dua kes cabul, satu kes rogol dan satu kes mendatangkan cedera. Selain itu, ada juga pelajar antarabangsa di IPTS yang menjadi dalang keldai dadah. Pada Disember 2011 seorang wanita dijadikan mangsa kepada pelajar Afrika berusia 26 dan 37 tahun untuk mengambil dadah melalui penerbangan dari KLIA ke Mumbai, India dan

ke Adis Ababa (Ethiopia) dan Bamako, ibu negara Mali iaitu sebuah negara di Afrika Barat sebelum berpatah balik mengikut laluan yang sama. Mengikut laporan bertulis dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2011-2015 ada mengemukakan cadangan penyelesaian bagi isu pengantarabangsaan ini iaitu mekanisme untuk memantau pelajar antarabangsa yang sedia ada perlu disediakan.

Justeru, pada 9 November 2011, unit khas Pas Pelajar telah menubuhkan satu Kumpulan Kerja Pemantauan Pelajar Antarabangsa (KKPPA) yang dikendalikan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk memantau isu-isu pelajar antarabangsa dan tindakan bagi membendung penyalahgunaan pas oleh pelajar-pelajar antarabangsa. Bagi memudahkan urusan pemantauan, sistem data maklumat dikenali sebagai 'IPT Information Management System (IFMS-IPTS)' diwujudkan bertujuan untuk menyimpan rekod pelajar asing berdaftar dengan IPTS serta melakukan semakan berhubung profil pelajar bagi tujuan tertentu. Sebelum ini, kemasukan pelajar asing ke Malaysia adalah menggunakan *Visa on Arrival* (VOA) dan pas lawatan sosial sebelum mencari mana-mana IPT untuk mendaftar. Ramai pelajar asing telah mengambil kesempatan untuk memasuki Malaysia dengan menggunakan kaedah ini tambahan tiada sebarang kuota atau kategori khusus bagi menentukan jumlah pelajar asing dari mana-mana negara untuk melanjutkan pelajaran di Malaysia. Hari ini, dengan perancangan yang strategik, pihak KPT telah menetapkan pas pelajar hanya akan dikeluarkan selepas calon layak berdasarkan kepada syarat kelayakan kemasukan yang terkandung dalam surat kelulusan menerima tawaran.

Dalam PSPTN ternyata ia banyak mendatangkan kebaikan berbanding keburukan. Namun, masih terdapat kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Dalam konteks perancangan strategik, Islam mementingkan konsep masalah ammah untuk masyarakat tempatan untuk mewujudkan keamanan dan kesejahteraan. Oleh itu, setiap keputusan yang hendak

dibuat yang paling utama haruslah menjaga kepentingan umum yang dibenarkan syara'. Penggunaan masalah ammah sebagai kayu ukur dan pertimbangan untuk menetapkan sesuatu perkara adalah bertujuan untuk menghindarkan segala kemungkinan perkara yang boleh mendatangkan keburukan kepada masyarakat keseluruhannya seperti membuat sesuatu keputusan berpandukan hawa nafsu, mementingkan kepentingan peribadi atau kelompok yang tertentu dengan beralaskan kepentingan umum. Dengan menggunakan masalah ammah sebagai pertimbangan yang wajar untuk menetapkan sesuatu keputusan, maka setiap keputusan yang dibuat tidak akan menimbulkan masalah atau kerugian kepada umat manusia yang lain.

Jika dulu pandangan awam langsung tidak di ambil kira jika ditulis oleh mana-mana para blogger dan hal ini sering dianggap sebagai isu kedai kopi. Namun, hakikatnya hari ini, dengan dunia tanpa sempadan, masyarakat lebih terbuka menyebarkan serta berkongsi maklumat dengan orang lain. Di samping itu, masyarakat lebih prihatin mengenai sesetengah isu yang mungkin pihak kerajaan terlepas pandang. Jadual 1 di bawah adalah sedikit catatan di mana penulis melihat keprihatinan orang awam terhadap isu pengantarabangsaan.

Jadual 1 : Keprihatinan awam terhadap isu pengantarabangsaan

senarai nama blog	Isu Antarabangsa	Tarikh	Jumlah Pengikut
http://mamsyashraf.wordpress.com/2010/05/20/muslihat-penarafan-ipt-kini-terbongkar/	Muslihat Penarafan IPT kini terbongkar	20/05/10	13
http://yussyusoff.blogspot.com/2009/10/isu-penarafan-universiti-2009.html	Isu Penarafan Universiti 2009	18/10/09	13
http://yussyusoff.blogspot.com	THE-QS World University Ranking	09/10/09	13

http://khairunneezam.blogspot.com/2010/05/time-higher-education.html	Kenapa Perlu atau Jom Kejar Penarafan Universiti bertaraf antarabangsa	25/05/10	33
http://reformahasiswa.blogspot.com/2009_10_01_archive.html	(1)Warkah Dari Giessen: Bencana Ranking Universiti (2)APEX	22/10/09 15/10/09	84
http://wargamarhaen.blogspot.com/2011/12/kpt-dedah-300-ipts-bermasalah.html	(1)KPT dedah 300 IPTS Bermasalah (2) Apabila Hab Menjadi Haprak	12/08/11 23/02/12	1002
http://tunhisyamuddin.blogspot.com/2010/08/malaysia-lembab-atasi-masalah-pelajar.html	Malaysia Lembab atasi Masalah Pelajar	-	177
http://abihulwa.blogspot.com/2011/12/isu-pengajian-tinggi-kewajaran-saring.html	Isu Pengajian Tinggi: Kewajaran Saring Kemasukan Pelajar Asing	23/12/11	445
http://legendahikmah.blogspot.com/2009/12/kebanjiran-pelajar-asing.html	Kebanjiran Pelajar Asing	10/12/09	23
http://1malaysiabebaspati.blogspot.com/2010/01/anasir-jahat-guna-dokumen-palsu-mohon.html	-Anasir Jahat Guna Dokumen Palsu Mohon VOA, Visa Pelajar	30/01/10	41
http://duniacacamarba.blogspot.com/2012/02/pelajar-asing-didakwa-lakukan-seks.html	Pelajar Asing didakwa Lakukan Seks Berdekatan Surau	28/02/12	1956
http://ini-yang-aku-rasa.blogspot.com/2009_11_01_archive.html	Syarat Visa Harus Diperketatkan Kepada Pelajar Negara Tertentu	01/11/09	113
http://carigold.com/portal/forums/showthread.php?thread=311746&page2	Apa Kita dan Kerajaan Patut Lakukan Terhadap Kebanjiran Warga Asing	10/02/12	-

Kesimpulan

Apa yang kita lihat secara umum dari sudut perubahan dan perancangan yang dibuat di pusat pengajian tinggi seperti perancangan strategik pada dasarnya adalah sangat positif

dalam pembangunan pendidikan tinggi di Malaysia. Namun, ia tidak semestinya relevan dan dilaksanakan sepanjang masa dan perlu diberi penekanan kepada soal agama, budaya dan kesejahteraan masyarakat. Dengan ini, sistem pendidikan Malaysia tidak terpengaruh dengan sistem nilai sekular daripada Barat yang tidak mempedulikan langsung unsur kerohanian dan kepentingan umum. Oleh itu, pakar-pakar perancang strategi di KPT perlu memikirkan pendekatan dan strategi lain dari masa ke semasa untuk penambahbaikan berterusan yang lebih mendatangkan manfaat secara umum dan menyeluruh di dunia dan akhirat selaras dengan perancangan strategik dari sudut pandangan Islam.

Rujukan

Zaidan, A. K. (1994). *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh, Mu'asassah al-Risalah*, Beirut, Lubnan

Al-Dahyan, A. I. (1986). *Al-Idarah fi al-Islam*, c.1, Dar al-Syuruq, Beirut, Lubnan.

Abdul Wahab, J. (1991). *Perancangan dan Pengurusan Pendidikan*, di dalam *Nadi Pendidikan*, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jld. 6, Bil. 2, Kuala Lumpur, Malaysia.

Al-Tarablasi, A. (1973). *Mu'inul Hukkam*, Matba' Mustafa al-Halabi, Kaherah, Mesir.

Al-Raysuni, A. (1995). *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibii*. *al-Dar al-'Alamiyyah li al-Kitab al-Islami*, Riyadh, Arab Saudi.

Al-Sayid, M. H. (1976). *Al-Idarah al-Asas wal Usul 'Ilmiyyah*, c.3, T.T.P, Kaherah, Mesir.

Che Mohd. Azam, C. D. (1998). *Konsep dan Pelaksanaan al-Siasah al-Syariyyah di Zaman Khalifah Abu Bakar : Satu Analisis*. (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Spulber, D. F. (2007). *Global Competitive Strategy*, Cambridge University Press, USA.

- Fred, R. D. (1991). *Strategic Management*. Maxwell Mac Millan International Editions.
- George, A. S. (1982). *Top Management Planning*, The Macmillan Company An Arkville Press Book, London, United Kingdom.
- Husnani, H. (2008). *Analisis Teori Perancangan Strategik Menurut Islam : Kajian Pelaksanaan Dan Keberkesanan Di Yayasan Islam Kelantan (YIK)*. (Disertasi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Taylor, J. W. (1979). *Strategic Planning for The Successful Business*, Alexander Hamilton Institut Inc, New York, USA.
- John, M. B. (1995). *Strategic Planning for Public and Non-Profit Organization*. Jasey-Bross Publisher, San Francisco, USA.
- Mohd Sharifudin, K. (2004). *Analisis Perancangan Strategik Menurut Perspektif Islam di Sektor Sosial Unit Perancangan Ekonomi Negeri SUK, Negeri Perak*. (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Mohd Salleh, L. (2002). *Perancangan Pendidikan Peringkat Sekolah dan IPT*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nazrudin, H. (1998), *Siasah Syariyyah : Konsep dan Perlaksanaannya Di Zaman Saidina Umar al-Khattab*. (Latihan Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Lorange, P. (1993). *Strategic Planning and Control : Issues in the Strategy Process*. Blackwell Publishers, USA.
- Selamat, H. (2010). *Maslahah Dalam Perundangan Hukum Syarak*, UTM, Johor, Malaysia.
- Sharifah Hayaati, S. I. (2010). *Etika Penjawat Awam dari Perspektif Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Sherman, P. M. (1982). *Strategic Planning for Technology Industries*. Reading, Addison-Wesley Pub. Co, Massachusetts, USA.